



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 28 / 2024**

## **KEKOSONGAN LUAR JANGKA**

### **KERUSI DEWAN NEGERI**

### **N.29 MAHKOTA, JOHOR**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad Bin Zarkashi, Speaker Dewan Negeri Johor**, mengenai kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor** berikutan kematian penyandanginya Allahyarhamah **YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** pada 2 Ogos 2024.
2. Berdasarkan **Undang-Undang Negeri Johor, Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, Bahagian Kedua, Fasal (5) Perkara 23**, kekosongan luar jangka tersebut hendaklah **diisi dalam tempoh 60 hari** SPR menerima pemakluman telah berlakunya kekosongan tersebut.

3. Sehubungan itu, satu **Mesyuarat Khas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor** akan diadakan pada **13 Ogos 2024 (Selasa)** bagi membincangkan pelaksanaan PRK tersebut.
  
4. **Satu sidang media akan diadakan seurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.**

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

4 Ogos 2024 / 29 Muharam 1446H